



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 24 SEPTEMBER 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Portal dan Aplikasi Ihsan MADANI inisiatif sara hidup di hujung jari

**Pusat sehenti permudahkan rakyat kenal pasti program disedia kerajaan**

**Putrajaya:** Dalam menyokong agenda komunikasi strategik Kerajaan MADANI terutama dari aspek kos sara hidup, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah membongkarkan Portal dan Aplikasi Ihsan MADANI.

Tanya sebagai salah satu strategi advokasi dan medium komunikasi kerajaan untuk memonitor program, inisiatif dan bantuan yang dilaksanakan di bawah Kerajaan MADANI dari aspek kos sara hidup.

Inisiatif khusus sara hidup yang ditawarkan adalah merangkumi tujuh kluster di bawah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOS) iaitu Kluster Kesihatan, Makanan, Pendapatan, Pendidikan, Pengangkutan, Perumahan dan Utiliti serta termasuk inisiatif umum yang lain.

## Maklumat bantuan dikongsi menyeluruh

Kerajaan MADANI komited dalam memastikan semua maklumat berkaitan bantuan dalam meningkatkan kos sara hidup rakyat dikongsi secara menyeluruh dan holistik.

Dengan menggunakan pendekatan 'Inisiatif Sara Hidup di Hujung Jari', portal ini dibangunkan merentasi Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan.

Sistem yang berintegrasi ini akan dijadikan rujukan utama rakyat, malah dapat memuatkan maklumat berkenaan pelbagai inisiatif dan objektif bagi setiap program di bawah Kementerian berkaitan sampai kepada rakyat dan memastikan agenda utama kerajaan dalam membolehkan kos sara hidup rakyat tercapai.

Portal dan Aplikasi Ihsan MADANI memaparkan hampir 150 inisiatif dan bantuan sara hidup melalui Belanjawan 2024 yang diumumkan Perdana Menteri tahun lalu.

Antaranya Sumbangan Tunai Rahmah (STR) diwujudkan ke RM10 bilion, Sumbangan Asas Rahmah (SARA) turut dinaik-

kan kepada RM700 juta, Program Perung RAHMAT MADANI diwujudkan kepada RM200 juta, Bantuan Asas Persekolahan (BAP) tanpa mengira had pendapatan (di luar, PnKA B01, PjSiswa dan banyak lagi).

## semak kelayakan bantuan dengan cepat dan mudah

Hanya dalam masa satu minit, rakyat dapat menyemak kelayakan bantuan yang mereka layak terima sumber bersewastan, di samping dapat mengesahkan maklumat dengan lebih pantas dan mudah.

Antara ciri-ciri menarik yang terdapat pada portal ini ialah ia sentiasa mengemaskini segala maklumat mengenai bantuan khusus yang sedang atau bakal dilaksanakan akan dipaparkan di halaman utama bagi membolehkan pengguna portal.

Rakyat hanya perlu mengisi butiran itu sebelum dibekalkan maklumat berkaitan yang sepadan dengan profil masing-masing.

Pengguna akan diminta untuk mengisi maklumat asas seperti talian telefon, jantina, negeri tempat tinggal, kumpulan etnik dan lain-lain.

Selain selesak mengisi semua butiran hanya perlu klik pada butang 'Carian' sebelum dihawa kepada paparan inisiatif dan bantuan yang bersewastan untuk pengguna.

Pengguna juga boleh memuatkan butang 'Isi Semula' jika ingin membolehkan pengisian butiran yang baharu.

Malah, Portal Ihsan MADANI ini semua digunakan semua warganegara Malaysia pada semua peringkat umur kerana merentasi pelbagai Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

## Perindungan data peribadi

Portal Ihsan MADANI tidak menyimpan sebarang maklumat atau data yang dikongsikan oleh pengguna sama ada dalam pengalihan data portal mahupun pangkalan data kerajaan.

Maklumat yang diisi pada Portal Ihsan MADANI adalah bersifat umum sahaja dan tidak melibatkan sebarang maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, alamat rumah, perincian pekerjaan dan sebagainya.

Maklumat yang dikongsikan oleh pengguna bertujuan untuk pemantauan inisiatif yang bersewastan dengan pengguna sahaja.

Justeru, orang ramai diura untuk membolehkan kelebihan



Portal dan Aplikasi Ihsan MADANI memaparkan hampir 150 inisiatif dan bantuan sara hidup melalui Belanjawan 2024 yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada tahun lalu.

yang ada pada portal ini supaya tiada rakyat yang akan tercicir merentasi manfaat dibekalkan mengikut kelayakan na-

yang masing-

Program boleh melayari laman sesawang [www.ihsanmadani.gov.my](http://www.ihsanmadani.gov.my) dan boleh memuat na-

run aplikasi mudah alih Ihsan MADANI merentasi Apple Appstore, Google Playstore dan Huawei AppGallery.

## Tahun Melawat Melaka 2024

# Melaka lancar menu tradisi RM10

**Melaka:** Satu lagi inisiatif baharu diperkenalkan kerajaan negeri dalam merancang lagi aktiviti pelancongan sempena Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM2024) ketika ini.

Set Kombo Menu RM10 yang disediakan setiap kali penganjuran program Melaka Bila Larut Malam (MBLM) itu akan menjadi satu lagi tarikan untuk pengunjung dan pelancong datang ke negeri itu khususnya pada Sabtu pertama setiap bulan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, berkata inisiatif yang akan bermula 5 Oktober itu mampu memberi peluang kepada pengunjung menikmati pelbagai menu tradisional dan moden pada kadar harga sangat berpatutan.

"Menerusi tawaran Menu RM10 ini memberi peluang kepada pengunjung untuk menikmati pelbagai juadah berkualiti tinggi dengan harga sangat murah.

"Usaha ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada pengunjung dan pelancong yang tidak henti-henti menyokong, sekali gus memberi limpahan ekonomi terhadap sektor pelancongan di negeri ini," katanya selepas melancarkan Set Kombo Menu RM10 di Kilang Makan, Jalan Tun Ali, di sini malam kelmarin.

Yang turut hadir, Setiausaha



Ab Rauf (dua dari kanan) bersama tetamu menunjukkan antara menu ditawarkan dalam Set Kombo Menu RM10 di Kilang Makan, Jalan Tun Ali Melaka, kelmarin.

(Foto Amir Mamat/BH)

Kerajaan Negeri, Datuk Azhar Arshad; EXCO Kanan Negeri, Datuk Rais Yasin; EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Abd Razak Abd Rahman serta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Shadan Othman.

Inisiatif Set Kombo Menu RM10 itu turut dijayakan bersama Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) negeri, MBMB serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara

Hidup (KPDN) Melaka.

Antara menu ditawarkan adalah set ikan asam pedas berserta nasi, bubur nasi berlauk, cendol Kampung Hulu, makanan laut bakar, pasembur, mi kari serta beberapa jenis makanan dari Asia Barat.

Ab Rauf berkata, seramai 30 pengusaha restoran, kafe dan kedai makan bersetuju menyertai program ini berkenaan dan jumlah itu dijangka bertambah selepas pelaksanaannya minggu depan.



**NEGARA** »16

# **KPDN SERBU KEDAI JUAL MINYAK MASAK MAHAL**



**MOHD. NAZIR** (tengah) mengaku bersalah atas pertuduhan menjual beras tempatan pada harga lebih mahal daripada dipamerkan di Mahkamah Sesyen Besut semalam.

## Padah jual beras Faiza lebih mahal

**RESUT** – Seorang tauke sebuah pasar mini mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan menjual beras tempatan pada harga lebih mahal daripada dipamerkan tahun lalu.

Pengarah KPA & KMR Group Sdn. Bhd., Mohd. Nazir Suh @ Hashim, 37, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Ahmad Fadhi Mahmud.

Tertuduh didakwa cuba mengemukakan pengiraan dengan

menjual beras Faiza Emas Super Special Tempatan 10 kilogram bagi pada harga RM31.50 sedangkan tanda harga dipamerkan RM26 di Kampung Amer di sini, pada pukul 6.35 petang, 20 September 2023.

Dia didakwa mengikut Seksyen 121(1)(a) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM250,000 jika salah kesalihan.

Mohd. Nazir diikat jamin RM10,000 dan Hakim Ahmad

Fadhi menetapkan setatun semula kes bagi keputusan jarah hukum pada 22 Oktober depan.

Sebatan pertama bagi dua lagi pengarah syarikat iaitu pasangan suami isteri yang kini sejang menunaikan ibadat usrah jaja ditetapkan pada tarikh tersebut.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Nur Amirah Mukhtar manakala Mohd. Nazir tidak diwakili peguam.



ANGGOTA penguat kuasa KPDN memeriksa bekalan minyak masak peket bersubsidi di sebuah kedai runcit di Kampung Banggol, Tok Jiring, Kuala Nerus semalam.

KPDN serbu kedai runcit jual minyak subsidi RM2.80

# Padah jual minyak peket mahal 30 sen

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

**KUALA NERUS** – Sebuah kedai runcit yang dilaporkan menjual minyak masak peket melebihi harga kawalan ditetapkan di-serbu pasukan penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Kampung Banggol, Tok Jiring di sini semalam.

Serbuan pada pukul 6 petang itu berjaya merampas 153 kilogram (kg) minyak masak peket bersubsidi dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM382.50.

Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, pemeriksaan juga mendapati pengusaha kedai runcit berkenaan juga tidak memiliki lesen



KERATAN Kosmo! 21 September 2024.

sah untuk menjual minyak masak peket yang merupakan barangan kawalan daripada Pengawal Bekalan Malaysia.

"Bertindak atas laporan Kosmo! kelmarin (Sabtu), seramai empat penguat kuasa KPDN telah membuat tinjauan ke kedai runcit terbabit.

"Siasatan percaya kedai runcit itu menjual minyak masak peket pada harga RM2.80 sepeket

iaitu melebihi daripada RM2.50 ditetapkan," katanya di sini semalam.

Kelmarin dilaporkan seorang pengguna, Fatin Norliyana Saidi, 37, mendakwa terpaksa membeli minyak masak peket bersubsidi sekurang-kurangnya 30 sen lebih mahal daripada harga kawalan di sebuah kedai runcit di Kuala Nerus.

Saharuddin berkata, pengusaha kedai runcit terbabit akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau berkata, pemeriksaan KPDN mendapati minyak masak peket bersubsidi di Terengganu tidak sepatutnya menjadi isu kerana bekalan sebenarnya mencukupi.

## ***153kg minyak masak bersubsidi dijual tanpa lesen dirampas***

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu merampas sebanyak 153 kilogram (kg) minyak masak polibeg bersubsidi bernilai RM382.50 yang dijual tanpa lesen di sebuah premis runcit di Kampung Banggol, Tok Jiring di sini, kelmarin.

Pengarahnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, serbuan dilakukan sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa KPDN Terengganu kira-kira jam 6 petang susulan laporan media berkaitan isu bekalan dan harga minyak masak polibeg bersubsidi di sekitar daerah ini.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati premis berkenaan ada menjual barang kawalan bersubsidi iaitu minyak masak polibeg satu kg.

Katanya, premis berkenaan juga tidak memiliki lesen yang sah daripada Pengawal Bekalan Malaysia bagi menjalankan urusan niaga barang kawalan itu.

"Selain itu, premis itu dipercayai menjual minyak masak polibeg bersubsidi pada harga RM2.80 sekilogram yang melebihi harga kawalan ditetapkan oleh



**BEKALAN** minyak masak polibeg yang dirampas di sebuah premis runcit di Kampung Banggol Tok Jiring.

kementerian iaitu pada harga RM2.50 bagi setiap peket.

"Kertas siasatan sudah dibuka dan siasatan lanjut sedang dijalankan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Saharuddin berkata, peniaga diingatkan supaya tidak mengenaikan pembelian bersya-

rat kepada pelanggan yang ingin membeli minyak masak polibeg bersubsidi.

Katanya, peruncit hanya dibenarkan menghadkan kuantiti pembelian minyak masak polibeg bersubsidi bagi setiap individu tanpa sebarang syarat pembelian bagi membolehkan lebih ramai pengguna menikmati subsidi yang diperuntukkan kerajaan di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak Bersubsidi (COSS).

**Premis itu jual minyak masak polibeg bersubsidi pada harga RM2.80 sekilogram**





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**

**PAMER HARGA BERAS MENGELIRUKAN PENGGUNA**

# Syarikat, 2 pengarah **didakwa**

Oleh Nurul Fatimah Solaini  
nm@metro.com.my

**Berita**

**S**ebuah syarikat yang menjalankan perniagaan pasar mini bersama dua pengarahnya didakwa di Mahkamah Sesyen Besut di sini, semalam atas pertuduhan menjual beras putih tempatan pada harga mengelirukan pengguna.

Orang Kena Samsan (OKS) iaitu wakil kepada Syarikat KFA & KME Group Sdn Bhd, Mohd Nazir Supin@Husbin, 37, mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ahmad Fadli Mahmud.

Mengikut pertuduhan, OKS didakwa melakukan



OKS bersama pegawai pegawai kuasa Kementerian Pendidikan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPN) di Mahkamah Sesyen Besut, semalam.

kesalahan memberikan seseorang gambaran yang mengelirukan mengenai harga pada barang iaitu beras Faiza Emas Super Special Tempatan 10 kilogram.

Berdasarkan pertuduhan, beras itu dijual dengan harga RM31.99 walaupun harga yang dipamerkan adalah RM26.

Kesalahan dilakukan di premis berkenaan di Kempong Amer di sini, pada jam 6.35 petang 20 September 2023.

Bagaimanapun, dua pengarah syarikat tidak hadir ketika sebutan kes kerana sedang mengerjakan umrah.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 41(1)(a) Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan boleh dikenakan hukuman mengi-

kut Seksyen 41(1)(a) jika satu orang memperitukakan hukuman denda maksimum RM250,000.

Sementara itu, pihak pendakwaan yang diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya Wan Mohd Fuzair Wan Abdullah dan Pegawai Pendakwa Nur Amirah Mokhtar memohon supaya mahkamah menetapkan wang jaminan RM200,000 terhadap OKS.

Ahmad Fadli kemudiannya menetapkan wang jaminan sebanyak RM50,000 kepada Syarikat KFA & KME Group Sdn Bhd.

Mahkamah menetapkan 22 Oktober depan sebagai tarikh sebutan semula kes untuk fakta dan hukuman serta sebutan untuk kehadiran dua orang pengarah syarikat itu.

## Events Park headlines new developments planned for MetroCity

**KUCHING:** The MetroCity, a premier business and commercial hub in the city, is set for further expansion with several new developments planned in the coming months.

According to Devi Chong Kia Hui, the chairman and managing director of Chong Kia Hui Realty Sdn Bhd (CKH Realty), the MetroCity in Matang currently occupies 47 acres and comprises 106 units of fully commercial shops, McDonald's and KFC drive-thru restaurants, a Petronas fuel station, a one-storey Fuzhou Foodcourt, and 384 units of serviced apartments with multi-storey carpark.

The area also has a one-storey neighbourhood mall, home to popular retail brands such as Eveready, Mr D.I.Y., Guardian Pharmacy, and Yee-Yuk Thai Restaurant, among other names.

A key attraction in the area is the Pasar Malan Bella Ni MetroCity, launched in 2008 under the directive of Petra Jaga MP Datuk Seri Fadillah Yusof, who is the current Deputy Prime Minister, and Tugayng awemilayman Fawazudin Abidin Rahman.

Over the years, the Week Night Market has grown to now housing 270 stalls over a 2.78-acre site.

"MetroCity has become well-known over the years as one of the most bustling commercial areas in Kuching, with hundreds of F&B and beverage choices and the ever-popular Pasar Malan Bella, of which the



Chong (seated), with his son Derek Devi Chong, the CKH Realty chief executive officer.

business has led to the need to create a new site to accommodate to their organic growth.

Thus, this is leading to the creation of 'MetroCity Events Park', a seven-acre site selected by the late Pehin Sri Adenan Satem as the venue for the 'Sejawa Semada 2008 event', he said during a recent interview at his office in MetroCity.

The past weekend recorded another event being held at MetroCity Events Park, namely the three-day 'Jelajah EPON Carnival', which gathered more than 20,000 people.

It is learned that next year, four acres of the Events Park

will be allocated to Pasar Malan Bella Ni MetroCity, and the remaining three acres will be turned into two full-size football fields suitable for the staging of competitions.

"The four-acre space can accommodate a maximum of 200 stalls, with the parking areas able to accommodate about 1,000 cars."

"Essentially, the Events Park will feature two anchor tenants: the night market and the main one, and the football field operator, the second," said Chong.

"Events Park is part of MetroCity 2, which encompasses 100 acres of land designated for



An aerial view of MetroCity Events Park.



Photo shows the sight over the Pasar Malan Bella Ni MetroCity, a 2.78-acre site housing 270 stalls.

commercial development.

"Our first initiatives for MetroCity 2 are the night market and the football fields.

"Now, some may question why we're dedicating three acres to

football fields instead of more shops. It's a valid point, but we have the space, and we believe in giving back to the community.

"There is a strong demand for sports facilities here, and the

people enjoy jogging around MetroCity and they have expressed a need for more sporting facilities.

"It's important to diversify our offerings and we're confident that this will be a huge success."

On the ongoing developments of MetroCity 1, Chong said they would include MetroCity Prime, set to feature 30 premium commercial shops, Senting Jalan Matang, flanked by McDonald's and KFC drive-thru restaurants.

"This project is currently under construction, and is expected to reach completion by March 2025."

"Another project in the pipeline for MetroCity 2 is MetroCity Business Park, which will cover eight acres. It will feature premium double-storey commercial showrooms with private compound and parking catering to those seeking larger retail spaces.

"We are currently engaged in negotiations with a national listed company to become the anchor tenant of the Business Park. This company intends to occupy a stand-alone building of 25,000 square feet, and we plan to construct this independent commercial building, the first of its kind in Malaysia, for them," disclosed Chong.

"With these developments in the pipeline, CKH Realty aims to build on the current success of MetroCity, solidifying its status as the premier business and commercial destination in Kuching" he added.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN & AGENSI**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 24 SEPTEMBER 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Sep	KPDN Terengganu rampas 153kg minyak masak subsidi dijual tanpa lesen	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687092/berita/semasa/kpdn-terengganu-rampas-153kg-minyak-masak-subsidi-dijual-tanpa-lesen">https://www.sinarharian.com.my/article/687092/berita/semasa/kpdn-terengganu-rampas-153kg-minyak-masak-subsidi-dijual-tanpa-lesen</a>	SINAR HARIAN
24-Sep	Terengganu KPDN seizes 153 packets of cooking oil, dismisses shortage rumours	<a href="https://thesun.my/local-news/terengganu-kpdn-seizes-153-packets-of-cooking-oil-dismisses-shortage-rumours-NB13030904">https://thesun.my/local-news/terengganu-kpdn-seizes-153-packets-of-cooking-oil-dismisses-shortage-rumours-NB13030904</a>	THE SUN
24-Sep	KPDN TERENGGANU RAMPAS 153 PAKET MINYAK MASAK BERSUBSIDI	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2343254">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2343254</a>	BERNAMA
24-Sep	Kedai runcit jual minyak masak peket tanpa lesen diserbu	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/kedai-runcit-jual-minyak-masak-peket-tanpa-lesen-diserbu/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/kedai-runcit-jual-minyak-masak-peket-tanpa-lesen-diserbu/</a>	UTUSAN MALAYSIA
24-Sep	Kedai runcit jual minyak masak peket tanpa lesen diserbu	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kedai-runcit-jual-minyak-masak-peket-tanpa-lesen-diserbu/">https://www.buletintv3.my/nasional/kedai-runcit-jual-minyak-masak-peket-tanpa-lesen-diserbu/</a>	BULETIN TV3
24-Sep	Kedai runcit jual minyak masak RM2.80 sepeket diserbu	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/23/153-kg-minyak-masak-bersubsidi-dijual-mahal-dirampas-kpdn/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/23/153-kg-minyak-masak-bersubsidi-dijual-mahal-dirampas-kpdn/</a>	KOSMO
24-Sep	KPDN Terengganu rampas 153 kg minyak masak bersubsidi dijual tanpa lesen	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/09/1136760/kpdn-terengganu-rampas-153-kg-bersubsidi-dijual-tanpa-lesen">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/09/1136760/kpdn-terengganu-rampas-153-kg-bersubsidi-dijual-tanpa-lesen</a>	HARIAN METRO
24-Sep	Minyak masak halal, gambar lama tular semula	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1136740/minyak-masak-halal-gambar-lama-tular-semula">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1136740/minyak-masak-halal-gambar-lama-tular-semula</a>	HARIAN METRO
24-Sep	MENU RM10 INISIATIF BAGUS – KPDN	<a href="https://www.melakahariini.my/menu-rm10-inisiatif-bagus-kpdn/">https://www.melakahariini.my/menu-rm10-inisiatif-bagus-kpdn/</a>	MELAKA HARI INI
24-Sep	Syarikat, 2 pengarah didakwa pamer harga beras mengelirukan pengguna	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/09/1136778/syarikat-2-pengarah-didakwa-pamer-harga-beras-mengelirukan-pengguna">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/09/1136778/syarikat-2-pengarah-didakwa-pamer-harga-beras-mengelirukan-pengguna</a>	HARIAN METRO

24-Sep	Plan to reward bid-rigging informants	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1109348/plan-reward-bid-rigging-informants">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1109348/plan-reward-bid-rigging-informants</a>	NEW STRAITS TIMES
24-Sep	'Bid-rigging thrived due to ignorance, greed'	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1109356/bid-rigging-thrived-due-ignorance-greed#google_vignette">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1109356/bid-rigging-thrived-due-ignorance-greed#google_vignette</a>	NEW STRAITS TIMES
24-Sep	Ending bid-rigging could save govt RM13.5b	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1109352/ending-bid-rigging-could-save-govt-rm135b">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1109352/ending-bid-rigging-could-save-govt-rm135b</a>	NEW STRAITS TIMES
24-Sep	Tipu pelaburan lebih RM85 juta: Bekas perunding kewangan diperintah bela diri	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687209/berita/semasa/tipu-pelaburan-lebih-rm85-juta-bekas-perunding-kewangan-diperintah-bela-diri">https://www.sinarharian.com.my/article/687209/berita/semasa/tipu-pelaburan-lebih-rm85-juta-bekas-perunding-kewangan-diperintah-bela-diri</a>	SINAR HARIAN
24-Sep	Datuk ordered to enter defence for deceiving MyIPO, money laundering charges	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/23/datuk-ordered-to-enter-defence-for-deceiving-myipo-money-laundering-charges">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/23/datuk-ordered-to-enter-defence-for-deceiving-myipo-money-laundering-charges</a>	THE STAR
24-Sep	Tipu pelaburan lebih RM85 juta: Bekas perunding syarikat kewangan diperintah bela diri	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1136975/tipu-pelaburan-lebih-rm85-juta-bekas-perunding-syarikat-kewangan-diperintah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1136975/tipu-pelaburan-lebih-rm85-juta-bekas-perunding-syarikat-kewangan-diperintah</a>	HARIAN METRO
24-Sep	TIPU PELABURAN LEBIH RM85 JUTA: BEKAS PERUNDING SYARIKAT KEWANGAN DIPERINTAH BELA DIRI	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2343541">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2343541</a>	BERNAMA
24-Sep	Tipu pelaburan lebih RM85 juta: Bekas perunding syarikat kewangan diperintah bela diri	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tipu-pelaburan-lebih-rm85-juta-bekas-perunding-syarikat-kewangan-diperintah-bela-diri-488997">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tipu-pelaburan-lebih-rm85-juta-bekas-perunding-syarikat-kewangan-diperintah-bela-diri-488997</a>	ASTRO AWANI
24-Sep	Tipu pelaburan lebih RM85 juta, bekas perunding syarikat kewangan diperintah bela diri	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/tipu-pelaburan-lebih-rm85-juta-bekas-perunding-syarikat-kewangan-diperintah-bela-diri/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/tipu-pelaburan-lebih-rm85-juta-bekas-perunding-syarikat-kewangan-diperintah-bela-diri/</a>	BULETIN TV3